



ANWAR Ibrahim melakukan gimik Majlis Pecah Tanah dan Penyuraian Trafik antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua, Pulau Pinang, semalam. - MINGGUAN/DANIAL SAAD

Malaysia bebas jalin hubungan antarabangsa - PM

Oleh ISWAN SHAFIQ
utusannews@mediamulia.com.my

BUKIT MERTAJAM: Malaysia kekal sebagai negara bebas dan berdaulat dalam menjalin hubungan antarabangsa tanpa tunduk kepada mana-mana kuasa besar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pendirian itu membolehkan Malaysia mengekalkan hubungan dagang dan pelaburan dengan semua negara termasuk Amerika Syarikat (AS), China, Brazil dan Afrika Selatan demi kepentingan ekonomi serta kesejahteraan rakyat.

Menurut Anwar, beliau mengesahkan Malaysia akan tetap menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 20 (G20) yang dijadual berlangsung di Afrika Selatan hujung bulan ini walau-

pun AS memulaukan.

"Betul kita baik dengan Amerika Syarikat. Contohnya pada hari Ahad (Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 di Kuala Lumpur) tandatangan dengan Amerika Syarikat (Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (ART)), bincang dengan Presiden Donald Trump, terus kena kecam seolah kita tunduk kepada Amerika.

"Saya jemput juga Presiden Afrika Selatan, Matamela Cyril Ramaphosa yang mempengerusikan G20, Trump umumkan melarang semua wakil AS hadir ke G20, tapi saya akan hadir kerana Malaysia negara merdeka, berdaulat dan bebas, kalau kita tunduk kepada arahan Amerika, saya tidak akan pergi," katanya.

Beliau berkata demikian

pada Majlis Pecah Tanah Projek Penyuraian Trafik antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua (PTJSD) di Tapak Ekspo Seberang Jaya, di sini semalam.

Malaysia dan AS menandatangani ART pada 26 Oktober lalu, bersempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 yang berlangsung di Kuala Lumpur.

Anwar berkata, meskipun Malaysia menandatangani ART dengan AS, ia tidak menghalang kerjasama dengan negara lain termasuk dalam sektor nadir bumi.

Perdana Menteri berkata, pendekatan pragmatik itu penting bagi memastikan Malaysia terus menarik pelaburan dalam sektor berimpak tinggi seperti semikonduktor dan tenaga hijau sekali gus memacu pertumbuhan ekonomi negara.